



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA BUDI RON95 – SEMAKAN DAN PENGEMASKINIAN DATA PEMEGANG LESEN MEMANDU MALAYSIA (LMM)

PUTRAJAYA, 30 September 2025 – Sepertimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan, syarat kelayakan menerima **BUDI MADANI RON95 (BUDI95)** adalah **warganegara Malaysia, mempunyai status Lesen Memandu Malaysia (LMM) yang sah, aktif dan berkuatkuasa**. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah memberi sokongan sepenuhnya bagi menjayakan BUDI95 melalui **pembekalan data-data pemegang LMM** kepada pihak Kementerian Kewangan (MOF).

Hasil semakan pangkalan data JPJ, didapati terdapat sekitar 0.88 peratus daripada hampir 17 juta penerima BUDI95 yang sebenarnya layak tetapi masih belum **mengemaskini maklumat LMM dengan tidak membekalkan maklumat nombor kad pengenalan diri baharu** seperti berikut:

- (i) Pemegang LMM yang pada asalnya telah memohon LMM menggunakan dokumen pengenalan diri seperti **nombor kad pengenalan lama, nombor Sijil Kelahiran Malaysia (SKM)** dan **nombor pengenalan diri tentera dan polis**;





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- (ii) Pemegang LMM yang masih menggunakan **Lesen Memandu Pasukan** iaitu lesen memandu yang dikeluarkan oleh **pihak ATM dan PDRM**, yang masih **belum memohon pertukaran kepada LMM**;
- (iii) Pemegang LMM yang mana nombor kad pengenalannya **terdapat kesilapan** atau **red-flag** yang memerlukan semakan lanjut oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

MOT dan JPJ komited sepenuhnya untuk membantu semua warganegara Malaysia yang sah sepertimana di dalam kategori di atas untuk **datang ke mana-mana pejabat atau kaunter JPJ** bagi **membuat permohonan pengemaskinian data LMM**.

Data yang dikemaskini akan dikemukakan kepada pihak MOF bagi tujuan pengesahan dengan pihak JPN. Sekiranya **tiada sebarang isu berbangkit** atau **red-flag**, maklumat individu tersebut akan terus dikemaskini dalam sistem BUDI95.

Dalam hal ini juga, mana-mana pesara tentera ataupun polis yang masih belum membuat pertukaran Lesen Memandu Pasukan kepada LMM adalah





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

diseru untuk tampil ke mana-mana pejabat JPJ berdekatan dan melaksanakan proses pertukaran sedia ada bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit sekaligus dapat menikmati inisiatif BUDI RON95 yang diberi oleh Kerajaan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
30 SEPTEMBER 2025

-TAMAT-

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

